

SUSULAN PARANG TERBANG

Wujud sistem sembelih standard

Kuala Lumpur: Satu standard penyembelihan ternakan korban perlu diwujudkan kepada semua surau dan masjid supaya pengurusan penyembelihan dilakukan secara teratur dan selamat khususnya untuk mengelakkan kejadian tidak diingini hingga menyebabkan kecederaan serta kematian.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, walaupun Jabatan Perkhidmatan Veterinar sudah mengeluarkan garis panduan

namun ia lebih kepada aspek menjaga kebajikan haiwan terabit.

Katanya, soal keselamatan terhadap ahli jawatankuasa (AJK) surau dan masjid juga perlu diberi panduan kerana kebanyakannya hanya melakukan penyembelihan mengikut kaedah masing-masing dan ia boleh mengundang risiko.

"Setakat ini, tidak ada satu sistem yang standard yang boleh digunakan oleh surau dan masjid supaya penyembelihan itu dilakukan dengan teratur dan selamat.

"Kebanyakannya hanya melaku-

kannya mengikut cara sendiri dan ini amat berbahaya kepada mereka.

"Ada juga yang baru kali pertama menyembelih ternakan korban dan ada sesetengahnya tidak menyediakan tempat khusus untuk menyembelih.

"Jabatan agama serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar mungkin boleh bersama-sama mewujudkan standard penyembelihan ternakan korban supaya pengurusan dapat dilakukan dengan baik," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan muka

depan Harian Metro semalam, mengenai kejadian seorang juruteknik yang maut ketika menyembelih lembu selepas parang penyembelih terlepas dari tangan dan 'terbang' ke arahnya sebelum terkena lengan kiri.

Dalam kejadian jam 11 pagi Aidiladha itu, Suharto Meodjib Dimjati, 48, menahan kesakitan dan sempat mengucap dua 'kalimah syahadah tiga kali sebelum dibawa mendapatkan rawatan namun menghembuskan nafas terakhir ketika dirawat di hospital.

